

20 AUG 1997

KENYATAAN PM BERI HARAPAN BAIK BAGI PROJEK BAKUN, KATA TING

KUALA LUMPUR, 20 Ogos (Bernama) -- Pengerusi eksekutif Ekran Bhd Tan Sri Ting Pek Khiing berkata keyakinan yang dinyatakan terhadap syarikat itu oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi harapan baik bagi projek Bakun.

Katanya dalam satu kenyataan hari ini bahawa kerja di tapak itu berjalan dengan maju dan projek itu akan siap seperti dijadualkan, menjelang tahun 2003.

Di Kuching semalam, Dr Mahathir telah berkata bahawa kerajaan masih mempunyai keyakinan terhadap Ekran sebagai pengendali projek Hidroelektrik Bakun berharga RM13.6 bilion itu.

Perdana Menteri juga telah menolak spekulasi bahawa syarikat senarai awam itu telah menawarkan untuk menarik diri daripada projek nasional itu.

Ting berkata: "Saya amat berterima kasih kepada Perdana Menteri kerana kenyataan keyakinannya terhadap Ekran.

"Yang paling penting sekali, saya ingin menegaskan bahawa kerja di tapak itu sedang berjalan dan projek itu akan siap seperti dijadualkan." -- BERNAMA

MFJ OS/sia